



SIARAN MEDIA

KAJIAN PENDUDUK DAN KELUARGA MALAYSIA (KPKM-6) 2024: SUARA KELUARGA, MASA DEPAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 11 JULAI – Peka akan keperluan data dan maklumat terkini tentang isu-isu kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan menjalankan Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Keenam (KPKM-6) 2024.

Kajian berskala besar dan bersifat nasional ini adalah bagi menyediakan data terkini dan siri masa berkaitan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif serta sosio-ekonomi penduduk Malaysia sebagai input dan *evidence* kepada pihak Kerajaan dalam pembangunan dasar, inisiatif dan program di Malaysia pada masa akan datang bertepatan dengan slogan KPKM-6 iaitu “Suara Keluarga, Masa Depan Negara”.

Melalui KPKM-6, sebanyak 37,550 buah tempat kediaman terpilih di seluruh Malaysia bakal disantuni bermula 15 Julai sehingga 31 Disember 2024. Dalam ucapan ketika Majlis Pelancaran KPKM-6, YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menggariskan lima (5) kategori responden yang disasarkan dalam kajian ini iaitu;

- i. Wanita pernah berkahwin berumur 15 - 59 tahun;
- ii. Lelaki pernah berkahwin berumur 15 - 59 tahun;
- iii. Remaja belum pernah berkahwin berumur 13 - 24 tahun;
- iv. Warga emas berumur 60 tahun dan ke atas; dan
- v. Penduduk bujang berumur 25 - 59 tahun.

YB Dato' Sri Nancy turut menyeru agar seluruh ahli keluarga terpilih memberi kerjasama yang baik kepada penemu bual dan menjadikan KPKM-6 ini sebagai platform perkongsian maklumat serta pandangan untuk dijadikan sumber data bagi pelaksanaan sebarang tindakan oleh pihak berautoriti termasuk pembangunan dasar, inisiatif dan program untuk pelbagai lapisan masyarakat. Keperluan data kajian ini dilihat simbolik dan selari dengan tema sambutan Hari Penduduk Sedunia 2024 iaitu "Kuasa data yang inklusif ke arah masa depan yang berdaya tahan dan saksama untuk semua".

Sebagai langkah keselamatan, orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan kajian ini di laman sesawang LPPKN www.lppkn.gov.my atau portal rasmi kajian kpk6.lppkn.gov.my serta media sosial LPPKN.

Turut sama hadir pada majlis ini, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBrs. Dr. Julitta Onabanjo, Perwakilan Tetap United Nations Population Fund (UNFPA) Malaysia dan YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur bin Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
11 Julai 2024**